

PERSEPSI GURU TERHADAP PENGLIBATAN KELUARGA BERDASARKAN TEORI EPSTEIN DI PRASEKOLAH DALAM PENGAJARAN MEMBACA

Roselita Ali @ Yusof¹, Roshdi Said²

¹IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan

²Kolej vokasional Sultan Hj. Ahmad Syah

Corresponding Author: roselita.ali@ipgm.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis penglibatan keluarga terhadap program di prasekolah berdasarkan teori Epstein dalam pengajaran membaca. Kajian ini juga adalah bertujuan mengenal pasti halangan penglibatan ibu bapa terhadap program di prasekolah. Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk kaedah gabungan (mixed methods). Kaedah kuantitatif menggunakan soal selidik bagi melihat jenis penglibatan keluarga dan jenis halangan manakala kaedah kualitatif menggunakan kaedah temubual digunakan untuk melihat halangan penglibatan keluarga. Seramai 12 orang guru dari tadika KEMAS dan JPNIN menjadi sampel kajian ini. Sampel ini terdiri dari guru tadika zon timur iaitu empat orang dari Kelantan, empat orang dari Terengganu dan empat orang dari Pahang. Hasil dapatan dianalisis menggunakan SPSS versi 22. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat yang holistik, spesifik pengesanan berdasarkan penglibatan ibu bapa dan halangan penglibatan. Diharapkan juga agar ianya dapat membantu pihak sekolah, PPD, JPN dan Kementerian serta NGO dalam merancang sumbangan, kursus, program yang menarik dan sesuai kepada ibu bapa prasekolah ini.

Kata kunci: *Penglibatan keluarga, Model Epstein, prasekolah, halangan, pengajaran membaca*

PENGENALAN

Kemahiran pengurusan yang berwibawa dan berkualiti merupakan asas dalam menggerakkan institusi pendidikan yang berkesan dan berjaya. Cabaran globalisasi masa kini, termasuklah meletakkan aspirasi menjadikan sistem pendidikan negara agar bertaraf dunia, sudah pasti memerlukan komitmen tinggi setiap pihak dalam merealisasikan harapan tersebut. Oleh itu, sistem pendidikan masa kini perlu seiring dengan perkembangan semasa agar modal insan yang terhasil adalah berkualiti serta mampu berfungsi secara holistik seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM, 2013).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif dengan membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) bermula 2013 hingga 2025 yang melibatkan penyertaan pemimpin sekolah, guru, ibu bapa, orang ramai dan juga murid di seluruh negara (PPPM, 2012). Salah satu daripada transformasi sistem pendidikan negara adalah anjakan strategik yang ke sembilan yang melibatkan kerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas. Sejarar dengan peningkatan akademik ibu bapa, tanggungjawab mendidik anak dilihat bukan lagi menjadi tanggungjawab guru sepenuhnya, tetapi turut membabitkan peglibatan ibu bapa dan komuniti setempat

Penyataan Masalah Kajian

Kementerian Pelajaran Malaysia mensasarkan sifar buta huruf pada tahun 2020. Penguasaan membaca dalam kalangan kanak-kanak dapat membantu ke arah penguasaan ilmu dan mereka tidak akan ketinggalan dalam pelajaran. Namun demikian didapati masalah membaca dalam kalangan kanak-kanak masih berterusan.

Ini bersesuaian dengan statistik dapatan kajian Koh Soo Ling(2006). Statistik menunjukkan 40 peratus daripada 469,038 murid-murid tahun satu bermasalah dalam membaca dan menulis bahasa Melayu. Murid-murid yang buta huruf semasa di darjah satu berkemungkinan akan mengalami masalah yang sama sepanjang zaman persekolahan mereka (Koh Soo Ling, 2006).

Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah memperluas Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) untuk tahun 1 dan menambahbaik Program Pemulihan Tahap 1(KPM 2007) untuk meningkatkan penguasaan kemahiran asas 3M. Pada tahun 2011, Program Literasi dan Numerasi (LINUS) pula dikemukakan oleh KPM bagi menangani masalah tidak boleh membaca dalam kalangan kanak-kanak. Ekoran daripada masalah ini maka pelbagai usaha dikenalpasti bagi mengatasi masalah ini.

Kajian peringkat antarabangsa iaitu Program Pentaksiran Murid Antarabangsa (PISA) oleh Borgonove, Montt, & Development (2012), menunjukkan bagaimana cara ibu bapa menggunakan masa bersama anak di rumah boleh mempengaruhi kejayaannya. Begitu juga berdasarkan kajian Irma Yanti Mahamud (2018), didapati dapatan kajiannya tidak menunjukkan hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik murid, namun ibu bapa seharusnya faham peranan masing-masing dalam membantu pembelajaran anak-anak mereka. Kecemerlangan akademik masih lagi boleh dicapai sekiranya nilai-nilai positif diamalkan dalam sesebuah keluarga. Justeru itu, peranan dan penglibatan ibu bapa perlulah lebih menyeluruh dalam aktiviti pembelajaran. Ekoran dari itu kajian ini ingin dijalankan dalam pendidikan awal kanak-kanak pula.

Kajian terdahulu menunjukkan salah satu daripada masalah pencapaian akademik murid dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya ialah faktor ibu bapa (Chong, Juliana, Rosmidah, Samsudin, Nurhana, Subhi dan Nor Ba'yah, 2012). Jadi jelas kepada kita bahawa penglibatan keluarga adalah sangat penting serta boleh menyumbang kepada peningkatan pencapaian akademik pelajar khususnya kanak-kanak.

Oleh itu, usaha lain yang perlu dilakukan adalah dengan menggunakan orang yang amat rapat dengan kanak-kanak, iaitu ibu bapa mereka. Ini kerana hasil kajian luar negara menunjukkan pengalaman penglibatan ibu bapa memberi impak positif boleh diperolehi oleh kanak-kanak semasa di rumah (Clay, 1991). Keadaan yang positif bahawa penglibatan ibu bapa dapat membantu perkembangan kanak-kanak di sekolah sangat menyenangkan semua pihak. Namun demikian didapati hasil dari beberapa kajian yang dijalankan menunjukkan penglibatan ibu bapa dengan pendidikan anak di sekolah adalah kurang memuaskan. Di Malaysia, Ibu bapa didapati kurang melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak mereka ketika di sekolah menengah (Mohd Fami, Mohamed Sharif & Roslee, 2008; Mazana Ismail, 2001; Azizi Yahya, Nordin Yahya & Mohd Sofie Bahari ,2004).

Keadaan lebih meruncing apabila didapati masalah sosial dalam kalangan remaja juga adalah berpunca dari hubungan ibu bapa dan anak mereka. Ini sebagaimana kajian Azyyati, Fariza dan Salasiah (2013). Dapatan kajian Azyyati, Fariza dan Salasiah (2013) mendapati bahawa ciri-ciri berisiko yang paling dominan dalam kalangan remaja berisiko ialah mereka yang mempunyai keluarga yang tidak berfungsi, mempunyai latar belakang status sosioekonomi yang rendah (SES) dan tidak mempunyai sokongan daripada individu dan persekitaran yang bertindak sebagai faktor pelindung seperti ibu atau bapa, ahli keluarga, ahli masyarakat, sekolah dan agama yang merupakan asas utama dalam menentukan pola akal dan perlakuan remaja bagi menghindari kemudaratan. Berdasarkan kajian ini juga turut menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa adalah perlu sama ada di rumah mahu di sekolah. Penglibatan ibu bapa di sekolah ini perlulah dititik beratkan seawal usia hinggalah ke sekolah menengah.

Berdasarkan dapatan kajian lepas maka menjadi keperluan untuk dikenalpasti jenis dan halangan penglibatan ibu bapa terhadap program yang dilaksanakan di sekolah khususnya di peringkat awal kanak-kanak.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti di bawah:

1. Mengenal pasti persepsi guru terhadap jenis penglibatan keluarga terhadap program di prasekolah berdasarkan Model Epstein dalam pengajaran membaca.
2. Mengenal pasti persepsi guru terhadap halangan penglibatan keluarga di prasekolah dalam pengajaran membaca.

Persoalan Kajian


Persoalan kajian ini adalah seperti di bawah:

1. Apakah persepsi guru terhadap jenis penglibatan keluarga terhadap program di prasekolah berdasarkan Model Epstein dalam pengajaran membaca.
2. Apakah persepsi guru terhadap halangan penglibatan keluarga di prasekolah dalam pengajaran membaca.

Kerangka Konsep Kajian

Menurut Maxwell (2005), kerangka konsep adalah satu sistem konsep, tanggapan, ekspektasi, kepercayaan dan teori-teori yang mendukung dan memaklumkan berkaitan kajian yang sedang dijalankan. Ianya adalah kekunci kepada kajian yang ingin dibuat. Maxwell (2005) mengenalpasti kerangka konsep sebagai gambaran visual yang dapat menerangkan perkara-perkara utama yang ingin dikaji dan perhubungan antara pembolehubah dan persoalan kajian adalah sebahagian daripada kerangka konsep.

Kerangka konsep ini dibentuk berdasarkan sorotan kajian lepas. Kelompongan yang wujud dalam kajian lepas dijadikan asas kepada pembentukan kerangka konsep ini. Berdasarkan kepada kerangka konsep yang telah dibina, jenis penglibatan dan halangan ibu bapa dapat dilihat. Kerangka konsep ini juga dibina bagi mengkaji jenis penglibatan dan halangan ibu bapa terhadap pendidikan anak mereka di prasekolah.



Rajah 1. Kerangka Konsep Kajian Persepsi Guru Terhadap Penglibatan Keluarga Berdasarkan Teori Epstein di Prasekolah Dalam Pengajaran Membaca

KAJIAN LITERATUR

Setiap konstruk yang dihasilkan dalam instrumen penglibatan keluarga ini adalah dibentuk berdasarkan kepada teori-teori dan kajian-kajian lepas bertujuan untuk mendapatkan nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Konsep dan Kajian -Kajian Penglibatan Keluarga

Konsep penglibatan ibu bapa dalam kajian-kajian tentang penglibatan ibu bapa sering menekankan perkara seperti komunikasi antara ibu bapa dan guru (Deslanders, Royer, Turcotte, & Bertrand, 1997); komunikasi ibu bapa dan anak berkaitan isu di sekolah (Keith & Lichtman, 1994); jumlah jam penglibatan sukarela ibu bapa di sekolah, penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sekolah seperti konferen (Izzo et al., 1999; Meidel & Reynolds, 1999; Baker & Stevenson, 1986), kehadiran di perjumpaan ibu bapa yang direncanakan oleh sekolah (Shaverand & Walls, 1998); penglibatan ibu bapa dengan anak-anak dalam aktiviti berkaitan sekolah yang dilaksanakan di rumah, seperti membantu membuat kerja sekolah (Shumow & Miller, 2001; Singh et al., 1989; Sui-Chu & Willms, 1996); dan pengharapan ibu bapa terhadap pencapaian pendidikan anak-anak mereka.

Jenis-jenis Penglibatan keluarga Berdasarkan Model Epstein

Terdapat beberapa model penglibatan keluarga dalam pendidikan, antaranya ialah penglibatan keluarga Berdasarkan Model teori Epstein. Dalam model ini terdapat enam jenis penglibatan keluarga, antara jenis-jenis adalah seperti di bawah:

1. *Parenting* (Kekeluargaan dimana semua keluarga cuba membina suasana persekitaran yang dapat membantu kanak-kanak sebagai seorang pelajar)
2. *Communicating* (Keluarga terlibat dalam mereka bentuk komunikasi yang berkesan-sekolah ke rumah, dan rumah ke sekolah menerusi pelbagai platform seperti memo, telefon, laporan, persidangan)
3. *Volunteering* (Keluarga yang terlibat melatih dan menyusun bantuan dan sokongan kepada sekolah)
4. *Learning at home* (Sekolah menyediakan infomasi/maklumat dan idea bagi membantu pembelajaran di rumah dengan kerja rumah, aktiviti, perancangan pembelajaran yang berkait dengan kurikulum.
5. *Decision making* (keluarga membuat keputusan dan pembangunan keluarga. Ini termasuklah proses perkongsian, berkongsi pendapat, bertindak bagi mencapai objektif.
6. *Collaborating with the community* (Melibatkan pengenalpastian dan integrasi sumber dan perkhidmatan kepada sekolah)

Impak Positif Penglibatan Keluarga

Banyak kajian membuktikan tentang impak positif penglibatan keluarga dalam institusi pendidikan. Antaranya kajian oleh Ruslida (2005) yang mengkaji penglibatan ibu bapa dengan pencapaian kemahiran asas membaca kanak-kanak prasekolah. Kajian Ruslida (2005) ini selari dengan kajian Zainiah (2005) yang menunjukkan penglibatan ibu bapa di rumah akan dapat memberikan kesan yang positif, iaitu meningkatkan pencapaian literasi kanak-kanak.

Dapatan kajian Candis, (2003) pula menyatakan ibubapa merupakan “*role model*” kepada anak-anak, dan ibubapa yang mempunyai anak-anak yang berjaya dalam akademik akan sentiasa memberi nasihat betapa pentingnya melanjutkan pelajaran ditahap yang tinggi. Pendidikan anak pada peringkat awal diperolehi di rumah, sokongan dan dorongan keluarga akan menjadi asas kepada kejayaan pelajar di sekolah dan

seterusnya. Selari dengan pernyataan tersebut, Basheer (1989) dan Mohd Fadzli, (2007) menyatakan bahawa keluarga ialah asas segala pendidikan yang kukuh bagi generasi muda.

Anak-anak perlukan penglibatan ibu bapa bagi meningkatkan motivasi diri dan kesungguhan untuk memenuhi harapan mereka. Kajian lalu yang menitikberatkan tentang faktor latar belakang keluarga, etnik, sosioekonomi keluarga (Hill, & Craft, 2003; Jeynes, 2005; Smith, 2002; Hill & Tyson, 2009; Bornstein, Hahs, Suwalsky & Haynes, 2003; Hill & Tylor, 2004) juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif antara penglibatan ibu bapa dengan pencapaian

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah gabungan (mixed methods). Kaedah kuantitatif menggunakan soal selidik dan kualitatif menggunakan kaedah temubual. Soalan soal selidik itu diambil dan diubahsuai dari kajian yang dibuat oleh Radhika Rani Bridgemohan (2001). Dua objektif kajian dikemukakan dengan menggunakan soalan soal selidik itu iaitu konstruk tentang persepsi guru terhadap jenis penglibatan keluarga Model Epstein dan halangan terhadap penglibatan ibu bapa dalam program di prasekolah bagi pengajaran membaca.

Persampelan Kajian

Kajian ini menggunakan 12 orang guru tadika KEMAS dan JPNIN sebagai sampel kajian. Sampel ini diambil dari zon timur, melibatkan empat orang dari negeri Terengganu, empat orang dari negeri Pahang dan empat orang dari negeri Kelantan.

Analisis Data

Bahagian ini menerangkan cara analisis data berdasarkan soalan soal selidik yang dijalankan bagi persoalan kajian 1. Data hasil soal selidik ini dianalisis menggunakan *Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS 22) bagi menjawab dua persoalan kajian. Penganalisan secara berkomputer digunakan kerana pemprosesan data dapat dilakukan dengan cepat dan berkesan. Kesilapan pengiraan terutamanya di dalam pemprosesan yang berulang-ulang dapat dielakkan sekiranya komputer digunakan. Bagi persoalan kajian yang menggunakan skala Likert 5 mata, data diproses dalam bentuk peratus, kekerapan dan min. Data-data yang diperoleh akan disemak untuk memastikan responden mengikuti arahan dan kehendak item soalan. Semua data-data mentah yang diperoleh dibentangkan menggunakan jadual. Dapatan Persoalan kajian 2 pula data dianalisis menggunakan menggunakan kaedah hermeneutik yang berbentuk interpretasi teks.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini menerangkan dapatan hasil soal selidik yang dijalankan. Berdasarkan soalan kajian 1 iaitu apakah persepsi guru terhadap jenis penglibatan keluarga terhadap program di prasekolah berdasarkan Model Epstein bagi pengajaran membaca, dapatan yang diperolehi adalah seperti di jadual 1.

Jadual 1: *Dapatan keseluruhan persepsi guru terhadap jenis penglibatan keluarga terhadap program di prasekolah berdasarkan Model Epstein dalam pengajaran membaca di prasekolah*

Jenis Penglibatan Berdasarkan Model Epstein	1	2	3	4	5	6
Bilangan jenis Penglibatan	10	4	2	5	1	4

Berdasarkan jadual 1, keseluruhan dapatan persepsi guru terhadap jenis penglibatan keluarga terhadap program di prasekolah berdasarkan teori Model Epstein dalam pengajaran membaca di prasekolah didapati penglibatan keluarga yang paling tinggi berdasarkan adalah model 1 (*Parenting*) sebanyak 10 buah (38.46 %) tadika di zon timur. Kedua tinggi ialah penggunaan Model 4 (*Learning at home*) iaitu sebanyak 5 buah tadika (19.2 %). Ketiga ialah penggunaan Model 2 (*Communicating*) sebanyak 4 buah tadika (15.38 %) dan Model 6 (*Collaborating with the community*) juga sebanyak 4 buah tadika (15.38 %). Keempat ialah penggunaan Model 3 (*Volunteering*) iaitu sebanyak 2 buah tadika (7.69 %). Paling rendah ialah penggunaan Model 5 (*Decision making*) iaitu sebanyak 1 sahaja tadika (3.84 %). Min jenis penglibatan keluarga dalam pengajaran membaca di prasekolah ialah 4.33.

Jadual 2: *Dapatan keseluruhan persepsi guru terhadap jenis penglibatan keluarga terhadap program di prasekolah berdasarkan Model Epstein dalam pengajaran membaca di prasekolah mengikut negeri*

Jenis Penglibatan Berdasarkan Model Epstein	1	2	3	4	5	6
Pahang	2	2	2	3	1	2
Terengganu	4	1	0	1	0	1
Kelantan	4	1	0	1	0	1

Berdasarkan jadual 2, perincian keseluruhan dapatan persepsi guru terhadap jenis penglibatan keluarga terhadap program di prasekolah berdasarkan teori Model Epstein dapat diperincikan mengikut negeri, didapati penglibatan keluarga yang paling tinggi ialah kelantan (4 buah tadika, 40%), Terengganu (4 buah tadika, 40%) dan Pahang (2 buah tadika, 20%) terhadap penggunaan model 1 (*Parenting*). Tempat kedua tinggi ialah penggunaan Model 4 (*Learning at home*) iaitu sebanyak 5 buah tadika iaitu Pahang (3 buah tadika, 30%), Terengganu (1 tadika, 10%) dan Kelantan (1 tadika, 10%).

Ketiga ialah penggunaan Model 2 (*Communicating*) sebanyak 4 buah tadika iaitu Pahang (2 tadika, 20%), Terengganu (1 tadika, 10%) dan Kelantan (1 buah tadika, 10%) dan Model 6 (*Collaborating with the community*) juga sebanyak 4 buah tadika iaitu Pahang (2 tadika, 20%), Terengganu (1 tadika, 10%) dan Kelantan (1 buah tadika, 10%).

Keempat ialah penggunaan Model 3 (*Volunteering*) iaitu iaitu Pahang (2 tadika, 20%). Paling rendah ialah penggunaan Model 5 (*Decision making*) iaitu sebanyak 1 sahaja tadika iaitu Pahang sebanyak (1 tadika, 10%) sahaja. Min penglibatan keluarga berdasarkan Model Epstein bagi negeri Pahang (2.0), Terengganu(1.6) dan kelantan (1.6).

Berdasarkan soalan kajian 2 iaitu persepsi guru terhadap halangan penglibatan keluarga di prasekolah dalam pengajaran membaca didapati terdapat beberapa faktor yang dinyatakan oleh keluarga dalam kaedah temubual.

Dapatan temubual guru prasekolah berdasarkan negeri Pahang didapati faktor yang menjadi halangan ialah faktor komunikasi, kekangan masa kerja, tidak mengambil berat perkembangan pembelajaran anak, tidak minat, dan tidak penting.

Dapatan temubual guru prasekolah berdasarkan negeri Terengganu didapati faktor yang menjadi halangan ialah tiada kenderaan, kekangan masa kerja, tidak mengambil berat, tidak minat, tidak penting, masalah kewangan dan tidak suka bergaul.

Dapatan temubual guru prasekolah berdasarkan negeri Kelantan didapati faktor yang menjadi halangan ialah tiada kenderaan,kekangan masa kerja dan tidak suka bergaul.

Rumusan dapatan keseluruhan temubual bagi ketiga-tiga negeri didapati, antara yang dinyatakan ialah faktor komunikasi, tiada kenderaan, masa atau kekangan kerja, tidak ambil berat perkembangan pembelajaran anak, merasa program di tadika tidak penting dan tidak suka bergaul.

Berdasarkan soalan kajian 2 iaitu mengenal pasti persepsi guru terhadap halangan penglibatan ibu bapa dalam program di prasekolah bagi pengajaran membaca berdasarkan Model Epstein dapatan yang diperolehi dapat dijelaskan lagi seperti di jadual 3.

Jadual 3: Dapatan persepsi guru terhadap halangan penglibatan ibu bapa dalam program di prasekolah bagi pengajaran membaca.

Jenis Halangan	Komunikasi	Tiada Kenderaan	Masa / Kekangan kerja	Tidak mengambil berat	Tidak Minat	Tidak penting	Masalah kewangan	Tidak suka bergaul
Pahang	1	0	4	1	2	2	0	0
Terengganu	0	1	3	2	3	1	1	1
Kelantan	0	3	4	0	0	0	0	1
Kekerapan	1	4	11	3	5	3	1	2

Berdasarkan jadual 3, didapati terdapat banyak faktor halangan terhadap pelaksanaan ibu bapa untuk mengikuti program di tadika. Bagi menjawab persoalan 2 didapati halangan yang paling tinggi yang menyebabkan ibu bapa tidak mahu ikut serta ke program tadika ia masa atau kekangan kerja, iaitu Pahang (4 buah tadika, 36.3%), Terengganu (3 buah tadika, 27.2%) dan kelantan (4 buah tadika, 36.3%). Keseluruhannya ialah sebanyak 11 buah tadika.

Faktor dua ialah faktor tidak minat iaitu Pahang (2 buah tadika, 40%), Terengganu (3 buah tadika, 60%) dan kelantan (0 buah tadika, 0%). Keseluruhannya ialah sebanyak 5 buah tadika.

Faktor ketiga ialah faktor tidak mempunyai kenderaan iaitu Pahang (0 buah tadika, 0%), Terengganu (1 buah tadika, 25.0%) dan kelantan (3 buah tadika, 75.0%). Keseluruhannya ialah sebanyak 4 buah tadika.

Faktor keempat ialah faktor tidak mengambil berat iaitu Pahang (1 buah tadika, 33.0%), Terengganu (2 buah tadika, 66.0%) dan kelantan (0 buah tadika, 0%). Keseluruhannya ialah sebanyak 3 buah tadika. Faktor tidak penting perkembangan anak iaitu Pahang (2 buah tadika, 66.0%), Terengganu (1 buah tadika, 33.0%) dan kelantan (0 buah tadika, 0%). Keseluruhannya ialah sebanyak 3 buah tadika.

Faktor lima ialah faktor tidak suka bergaul, iaitu Pahang (0 buah tadika, 0%), Terengganu (1 buah tadika, 50.0%) dan kelantan (1 buah tadika, 50.0%). Keseluruhannya ialah sebanyak 2 buah tadika.

Faktor keenam ialah masalah kewangan iaitu Pahang (1 buah tadika, 0%), Terengganu (0 buah tadika, 0%) dan kelantan (0 buah tadika, 0%). Keseluruhannya ialah sebanyak 1 buah tadika. dan komunikasi iaitu Pahang (0 buah tadika, 0%), Terengganu (1 buah tadika, 100%) dan kelantan (0 buah tadika, 0%). Keseluruhannya ialah sebanyak 1 buah tadika. Min halangan penglibatan keluarga penglibatan keluarga dalam program di prasekolah bagi pengajaran membaca bagi negeri Pahang (1.25), Terengganu (1.5) dan kelantan (1.0).

Berdasarkan dapatan kajian persoalan 1, dapatan kajian ini mendapati jenis 1 iaitu *parenting* (Kekeluargaan di mana semua keluarga cuba membina suasana persekitaran yang dapat membantu kanak-kanak sebagai seorang pelajar) adalah yang paling banyak dari segi penglibatan berdasarkan persepsi guru.

Dapatan ini berbeza dibandingkan dengan dapatan kajian lain, antaranya dapatan kajian Fan (2001) iaitu jenis 5, *Decision making* atau boleh dikatakan berobjektif (keluarga membuat keputusan dan pembangunan keluarga. Ini termasuklah proses perkongsian, berkongsi pendapat, bertindak bagi mencapai objektif). Kajian Fan (2001) mendapati jenis penglibatan keluarga adalah bertujuan untuk menamatkan gred dan ia berkait dengan laporan pencapaian pelajar. Ia juga menunjukkan tidak terdapat hubungan antara jempunan pihak sekolah dan penglibatan ibu bapa.

Walaupun kajian dapatan kajian ini berbeza dengan kajian lain, terdapat banyak sebab yang menyokong dapatan kajian ini. Dapatan kajian ini bertepatan dengan pegangan ibu bapa sebagaimana pendapat (Lawson, 2003) di mana anak-anak tidak memberikan tumpuan terhadap apa yang dipelajari jika ibu bapa kurang terlibat dalam pendidikan anak-anak di rumah dan ini menyebabkan pencapaian akademik murid kurang cemerlang (Lawson, 2003). Ia juga disokong dengan kajian lain, penglibatan ibu bapa bukan hanya di sekolah malahan ibu bapa perlu melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak di rumah (Jordan, Snow & Porche, 2000).

Rumah yang mempunyai ruang pembelajaran yang selesa dan sesuai merupakan satu keperluan kepada anak-anak untuk memastikan proses pembelajaran di rumah lebih berkesan. Sebanyak 96.5 peratus responden yang terdiri daripada 1000 orang murid tingkatan empat di Selangor berharap agar ibu bapa mereka dapat menyediakan kemudahan ini termasuk buku rujukan dan kemudahan tuisyen (Abd. Razak, 2011).

Berdasarkan dapatan kajian persoalan 2, dapatan kajian ini mendapati dapatan ini selari dengan kajian-kajian lain berdasarkan faktor halangan penglibatan keluarga. Dapatan yang berpendapat faktor kekangan masa merupakan penghalang utama ibu bapa untuk hadir ke sekolah. (Lareau, 2000; Abd. Razak & Noraini, 2011), Alma Harris & Janet Goodall (2008).

Kebanyakan kajian menunjukkan bahawa faktor kekangan masa telah menyebabkan ibu bapa semakin kurang peka akan peranan mereka dan lebih kepada membiarkan anak mereka belajar di rumah tanpa bimbingan dan pemantauan (Lareau, 2000; Abd. Razak & Noraini, 2011). Penyataan ini turut disokong

oleh Alma Harris & Janet Goodall (2008) dalam kajian mereka yang mendapati kesibukan kerja menjadi halangan untuk ibu bapa melibatkan diri dalam pembelajaran anak terutamanya bagi ibu atau bapa tunggal.

Namun demikian terdapat kepelbagaian faktor lain yang menghalang penglibatan keluarga berdasarkan kajian lain yang berkaitan dengan faktor ibu bapa itu sendiri. Lawson, M. A. (2003). mendapati faktor ibu bapa untuk membuat keputusan untuk terlibat adalah dikaitkan dengan perspektif personal sekolah dan minat ibu bapa. Alreck & Settle (2004) yang menyatakan sikap boleh bertindak sebagai halangan intrinsik untuk mempengaruhi seseorang bersikap negatif.

RUMUSAN

Jenis penglibatan keluarga dan pengenalpastian halangan penglibatan keluarga adalah perlu meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak. Peranan keluarga adalah amat penting dalam membantu guru mengembangkan potensi kanak-kanak dengan menyediakan persekitaran pembelajaran yang berkesan. Peranan ibu bapa atau keluarga yang dapat membantu pusat pendidikan awal kanak-kanak perlu dikenal pasti dan ia dapat menambahbaik ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam kepada keluarga bagi menyokong pembangunan pusat pembelajaran kanak-kanak itu sendiri. Pengenalpastian halangan ini juga dapat memberi ruang kepada pihak-pihak tertentu seperti pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan pihak sekolah sendiri bagi mengadakan program kesedaran terhadap perkembangan pendidikan anak-anak kepada keluarga. Di samping itu daya tarikan perlulah untuk menarik ibu bapa ke program yang di adakan di sekolah perlulah terbaik. Hubungan yang baik keluarga dan pihak sekolah dapat meningkatkan objektif keluarga itu sendiri yang inginkan anak mereka berjaya dalam pelajaran.

RUJUKAN

- Abd. Razak Zakaria (2011). Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dan Konteks Keluarga dengan Pencapaian Akademik Murid. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Alreck, P. and Settle, R. (2004), Survey Research Handbook, 3rd ed., McGraw-Hill, New York, NY
- Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham & Salasiah Hanin Hamjah (2013). Ciri-ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur. Risk Teens Features : A Literature Review. *Islamiyyat*, 35(1), 111 - 119.
- Barnard, W. M.(2006). Parent involvement in elementary school and educational attainment. Dalam Lee, J. S., & Bowen, N. K. Parent involvement, cultural capital and the achievement gap among elementary school children. *American Educational Research Journal*, 43(2), 39 – 62.
- Borgonovi, F., Montt, G., & Development, O, For E.C. and. (2012). Parental Involvement in Selected PISA Countries and Economies. OECD Publishing, (73).
- Chong, T.S., Juliana Rosmidah, Samsudin A.Rahman, Nurhana Zainal, Subhi, N., & Nor Ba'yah Abdul Kadir (2012). Motivasi Diri Dan Dorongan Ibu Bapa Terhadap Minat Akademik Belia. *Journal of Sciences and Humanities*, 7(1), 26-33
- Clay, M.M. (1967). The Reading Behavior of Five-year-old Children. A: Research, New Zealand. *Journal of Educational Studies*, 2: 11-31. England, R. L. (2005). Learning the ABCs: Familiy involvement in kindergarten literacy. Tesis PHD. University of North. Pengkalan Data Proquest.

- Epstein et. al. (2009). *School, Family and Community Partnerships : Your Handbook for Action* (2nd Edition), USA : Corwin Press, hlm 58.
- Fan, X., & Chen, M. (2001). *Parental involvement and students' academic achievement: A metaanalysis*. Washington, DC: National Center for Education Statistics.
- Fan, X., & Chen, M. (2001). *Parental involvement and students' academic achievement: A meta-analysis* *Educational Psychology Review*, 13(1), 1-22.
- Irma Yanti Mahamud, Norlizah Che Hassan, Fathiyah Mohd Fakhruddin(2018) .*Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah dan hubungannya dengan pencapaian akademik murid sekolah agama bantuan kerajaan (sabk)*. *Jurnal penyelidikan dan inovasi*, Vol. 5(1) pp 42-62.45-62.
- Jordan, G. E., Snow, C. E., & Porche, M. V. (2000). *Project EASE: The effect of a family literacy project on kindergarten students' early literacy skills*. *Reading Research Quarterly*, 35, 524 – 546.
- Koh Soo Ling. (2006). *Write from the start*. Diperolehi daripada <http://archives.emedia.com.my/bin/main/exe?f=doc&state=8p7j4k.3.6>.
- Lawson, M. A. (2003). *School-family relations in context: Parent and teacher perceptions of parent involvement*. *Urban Education*, 38 (1), 77-133.
- Maxwell, J. A. (2005). *Qualitative research design: An interactive approach* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage
- Mohd Fami Mohd Sahid, Mohamed Sharif Mustaffa, Roslee Ahamd. (2008). *Penglibatan ibu bapa dalam membantu membuat kerja rumah(matematik) di kalangan pelajar tingkatan dua: Satu tinjauan di sebuah sekolah menengah di daerah Muar*. *Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains dan Matematik*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Radhika Rani Bridgemohan (2001). *Parent involvement in early childhood development in Kwazulu Natal*. D.Ed. thesis, University of South Africa, Pretoria.
- Ruslida Che Man (2005) *Hubungan Penglibatan IbuBapa Dengan Pencapaian Kanak-Kanak Prasekolah dalam Kemahiran Asas Membaca*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zainiah Mohamad Isa. (2005). *Tahap Bacaan dan Faktor-Faktor yang Mempengaruhinya*. Laporan Kajian 2005-06-24, Universiti Pendidikan Sultan Idris.